



26 Nov 2015
Harian Metro, Malaysia

Author: Sri Ayu Kartika Amri • Section: Bisnes • Page: 56 • Printed Size: 362.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 14,260.61
PR value: MYR 42,781.83 • Item ID: MY0024555122

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

KEMBANG PORTFOLIO

■ MSM sasar Indonesia, Sri Lanka lepas tembusi pasaran Dubai

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) terus mengorak langkah meluaskan segmen huluannya dengan sasaran negara Indonesia dan Sri Lanka selepas menembusi pasaran Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan-nya Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, pihaknya komited untuk mempelbagaikan portfolio bagi meneruskan prestasi kumpulan.

Katanya, biarpun berdepan dengan situasi mencahor, pihaknya tetap berada di landasan tepat untuk mencapai sasaran 2015.

"MSM dalam proses perbincangan dengan beberapa syarikat bagi melihat potensi penggabungan dan pengambilalihan (M&A) terutama di



“MSM dalam proses perbincangan dengan beberapa syarikat bagi melihat potensi penggabungan dan pengambilalihan (M&A)"

Sheikh Awab Sheikh Abod

negara berpotensi seperti Sri Lanka dan Indonesia.

"Strategi ini seiring dengan matlamat syarikat untuk mengeluarkan sehingga empat juta tan metrik gula menjelang 2020," katanya pada taklimat media pengumuman keputusan kewangan suku ketiga 2015 MSM di sini, semalam.

Menurutnya, syarikat menyasarkan taraf seluas 20,000 sehingga 22,000 hektar bagi meningkatkan lagi segmen huluannya dan

setakat ini belum ada tempoh masa ditetapkan bagi proses pengambilalihan itu kerana bergantung kepada keputusan kerajaan dua negara berkenaan.

Sementara itu, MSM merekodkan lonjakan keuntungan selepas cukai sebanyak 33.2 peratus kepada RM63.87 juta pada suku ketiga 2015 berbanding RM47.96 juta tempoh sama tahun lalu.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama berakhir 30

September 2015, keuntungan sebelum cukai kumpulan naik 17.1 peratus daripada RM239.50 juta kepada RM280.37 juta. MSM mengumumkan dividen interim sebanyak 12 sen sesaham.

Sheikh Awab berkata, prestasi mantap itu disumbangkan oleh inisiatif mengoptimumkan kos kumpulan secara menyeluruh dan juga hasil daripada mekanisme strategi pasaran hadapan.

Selain itu, beliau berkata, pejabat dagangan baharu MSM di Dubai telah memperoleh kelulusan dan akan memulakan operasi secara rasmi pada 2 Januari 2016.

"Ini akan meningkatkan tahap kompetitif kumpulan di pasaran dunia dengan menjadikan pasaran Asia Barat dan rantau Afrika Utara sebagai sasaran utama," katanya sambil menambah MSM ketika ini menguasai sebanyak 64 peratus pasaran industri gula tempatan.



26 Nov 2015
Bisnes
Harian Metro, Malaysia

Author: Sri Ayu Kartika Amri • Section: Bisnes • Page: 56 • Printed Size: 362.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 14,260.61
PR value: MYR 42,781.83 • Item ID: MY0024555122

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3





26 Nov 2015
Harian Metro, Malaysia

Author: Sri Ayu Kartika Amri • Section: Bisnes • Page: 56 • Printed Size: 362.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 14,260.61
PR value: MYR 42,781.83 • Item ID: MY0024555122

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

DISCOVERED

Brand: MSM Malaysia Holdings Berhad
Company: MSM Malaysia Holdings Berhad
Industry: Cooking Ingredient > Bakery Supply
Category: Company News > General News

SUMMARIES

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) terus mengorak langkah meluaskan segmen huluannya dengan sasaran negara Indonesia dan Sri Lanka selepas menembusi pasaran Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE). Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan nya Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, pihaknya komited untuk mempelbagaikan portfolio bagi meneruskan prestasi kumpulan. Katanya, biarpun berdepan dengan situasi menca bar, pihaknya tetap berada di landasan tepat untuk mencapai sasaran 2015.